


# KESAN PERUBAHAN HARGA BAHAN API KE ATAS BIL ELEKTRIK


Kerajaan menetapkan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia berdasarkan rangka kerja khusus yang diguna pakai di kebanyakan negara, iaitu Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR). Di bawah IBR terdapat suatu mekanisme iaitu Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT), bagi membolehkan harga bahan api diselaraskan pada setiap enam bulan. Ini bermakna, kita akan bayar lebih rendah jika harga bahan api turun atau bayar lebih jika harga bahan api naik, sepertimana yang tertera dalam bil elektrik masing-masing.



Penjanaan elektrik banyak bergantung kepada bahan api fosil seperti arang batu dan gas asli termasuk gas asli cecair (LNG).

Bagaimanapun, dalam tempoh enam bulan lalu, harga arang batu global meningkat dengan ketara diikuti dengan kesan turun naik kadar tukaran mata wang telah meningkatkan lagi harga arang batu untuk sektor tenaga.

Campuran Bahan Api untuk penjanaan elektrik



## Siapa yang terkecuali daripada caj ICPT?

Pengguna kediaman dengan penggunaan elektrik 300kWj dan ke bawah

**Jalur Penggunaan 200kWj dan ke bawah**  
Kadar tarif kekal pada 21.8sen/kWj sejak 1997



**Jalur Penggunaan 201 - 300kWj**  
Kadar tarif kekal pada 33.4sen/kWj sejak 2009

## Manfaat ICPT kepada pengguna

- Harga elektrik yang berpatutan dan telus
- Bekalan elektrik lebih stabil, diyakini dan mencukupi
- Mendorong pengguna untuk meningkatkan kecekapan tenaga

